



# Pelajar UniMAP Raih Anugerah Best Of The Best Invention di Jakarta, Indonesia

Pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Nadia Safwanah Safari, 22 menghargumkan nama Malaysia apabila dinobatkan sebagai penerima *Best of The Best Invention* pada majlis *International Young Inventors Award (IYIA 2014)* di Jakarta, Indonesia. Pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik ini meraih pengiktirafan tertinggi menerusi produk inovasinya bertajuk *A Compact Realization of Pseudo Chebyshev Low Pass Filters for UHF Band Using RF MEMS Technology* di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Yufridin Wahab.

Produk berkenaan juga turut dipilih sebagai pemenang pingat emas dalam pameran dan persidangan yang julung kali dianjurkan oleh Persatuan Penyelidik dan Saintis Muda Indonesia (AYISI). Selain Nadia, UniMAP turut meraih empat lagi pingat emas menerusi lima produk yang dipertandingkan

dalam persidangan tersebut membolehkan penyelidik muda UniMAP merangkul kemenangan 100% pingat emas.

Empat lagi pemenang pingat emas UniMAP disumbangkan oleh Yew Long Tat dari PPK Sistem Elektrik, Conlathan A/L Ibau pelajar tahun akhir PPK Mikroelektronik yang juga dibawah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE), Mohd Hanif Pisal daripada PPK Bahan dan Nik Nur Irena Nik Mohamed Kamal pelajar daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETech).

Dalam masa yang sama juga, UniMAP diberi peluang membuat promosi dalam Forum Teknologi Inovasi yang dianjurkan oleh INOTEK yang disampaikan oleh Prof. Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Beliau turut dijemput sebagai pembentang utama bagi sesi kedua forum yang bertajuk *Pemeriksaan Penyelidikan Di Universiti: Satu Pengalaman UniMAP*.

